


PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA TIAP2 HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 7 RABU 3 April, 1963 (9 Zul-Qa'edah 1382)

PERCHUMA

MALAYSIA ADA-LAH KECHINTAAN RA'AYAT SIR DENNIS SAHABAT YANG KARIB — DULI YANG MAHA MULIA

ISTANA DARUL HANA. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan Brunei telah bertitah bahawa Sir Dennis White ada-lah sahabat baginda yang karib dan yang telah sentiasa banyak menyombangkan jasa baik-nya pada baginda dan negeri Brunei.

Sir Dennis, titah baginda lagi, telah memberikan jasa-nya bukan hanya dalam keadaan aman di-segi pentadbiran bahkan juga dalam keadaan sentosa dan dharurat—masa yang menghendaki tenaga dan fikiran yang waras dan chergas.

Titah ucapan ini telah disampaikan oleh baginda dalam satu majlis makan berserak kerana meraikan Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Sir Dennis White di-Istana Darul Hana pada malam 31 Mach lepas.

Sir Dennis telah mengumumkan tentang persaraan dari jawatan-nya di-Brunei dan akan

meninggalkan negeri ini kerana sebab2 kesehatan belum lama dahulu.

Beliau telah pun meninggalkan Brunei pada 1 April yang lalu.

Dalam majlis perpisahan yang di-berikan oleh Duli Yang Maha Mulia itu, baginda juga telah mengurniakan bintang kehormatan Darjah Kerabat Yang Amat di-Hormati darjat yang pertama (D.K.) kepada Sir Dennis.

Antara kira2 600 para hadirin di-majlis perpisahan itu termasuklah Duli2 Wazir, Cheteria2, pengiran2, pembesar2 negara, pemimpin2 pertubuhan dan Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris yang baharu Tuan Angus Mackintosh.

Bagi menambahkan lagi serinya majlis itu beberapa buah tarian kebudayaan asli Brunei telah di-sajikan.

Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah:

"Di-dalam kita bersukachita mengadakan temasha perpisahan pada malam ini, bukan hanya kita dapat bertemu ramah dan berjumpa antara satu dengan lain untuk mempereratkan persahabatan tetapi juga kita dapat bersama2 kerana meraikan Tuan Pesuruh Jaya Tinggi British, Sir Dennis White, di-mana beliau serta kita sekalian akan dapat dalam sa-dikit masa lagi bersalam salaman.

"Beta perchaya temasha malam ini akan tinggal menjadi kenangan Tuan Yang Terutama, walau pun tidak berapa lama lagi beliau tidak akan berada bersama2 kita di-sini.

"Dalam keadaan yang serupa ini, beta merasa dua perasaan yang sentiasa di-dalam ingatan beta; pertama-nya sa-bagaimana yang beta katakan tadi, beta sangat bersukachita kerana dapat bersama2 dengan Tuan

suasana yang meriah ini, dalam sa-dikit masa lagi, akan merupakan satu keadaan sedeh kapada beta dan juga ra'ayat di-negeri Brunei ini kerana berpisah de-



Duli Yang Maha Mulia sedang mengalungkan Pingat Darjah Kerabat Yang Amat di-Hormati (D.K.) kepada Dato Seri Paduka Sir Dennis White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris yang pertama di-Brunei.

Pesuruh Jaya Tinggi, dapat berjumpa dengan tuan2 sekalian dan dapat menyaksikan bahawa kita telah dapat mengembalikan keamanan dan kesejahteraan untuk keselamatan penduduk2 di-negeri Brunei ini.

"Di-samping itu pula-beta menaruh perasaan dukachita kerana

ngan sa-orang sahabat yang sangat karib, yang telah banyak memberi jasa baik-nya kapada beta dan juga negeri Brunei ini; bukan hanya dalam keadaan yang aman di-segi pentadbiran dan pergaulan sa-hari2 tetapi

(Lihat Muka 4)

Amanat Sir Dennis:

SOKONG-LAH D. Y. M. M.

BANDAR BRUNEI. — Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Sir Dennis White beberapa hari sa-belum meninggalkan Brunei untuk bersara kerana kesehatan telah memberi ucapan perpisahan-nya melalui Radio Brunei.

Sir Dennis telah menyeru kapada ra'ayat Brunei supaya menyokong tegoh dan menumpahkan ta'at setia mereka kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dan Kerajaan baginda.

Beliau berkata ra'ayat haruslah sedar mana2 langkah yang di-ambil oleh baginda ada-lah demi dan untuk kepentingan ra'ayat seluruh-nya. Ucapan Sir Dennis sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut:

bahawa tidak berapa lama lagi saya akan bersara dari jawatan Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Brunei dan kembali katanah ayer saya sendiri di-England.

Saya berharap saya akan dapat tinggal lebih lama dan dapat melihat Brunei memasuki Malaysia, jika itu-lah sa-benar-nya keputusan-nya, kerana saya sentiasa perchaya Malaysia akan memberi tuan2 sekalian

(Lihat Muka 7)

83 LULUS PEPEREKSaan DARI EMPAT SEKOLAH2

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 83 orang chalun dari empat buah sekolah Inggeris di-Negeri ini telah mendapat kelulusan beberapa peringkat dalam peperiksaan Sijil Senior Cambridge yang telah di-adakan di-Bandar Brunei dan Seria dalam bulan Disember tahun lepas.

Menurut keputusan yang telah di-keluarkan oleh Pejabat Pelajaran Negara minggu lepas, 26 orang penuntut ada-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, 25 orang dari Maktab Anthony Abell, Seria, 17 orang dari Sekolah St Michael, Seria, dan 9 orang dari Sekolah St. Angela's Convent, Seria.

Sa-orang chalun persendirian dari Bandar Brunei yang juga memasoki peperiksaan itu telah lulus denean mendapat Sijil Tingkatan Tiga.

LEBEH BAIK

Keputusan peperiksaan itu telah menunjukkan bahawa 53 orang chalun yang berjaya telah mendapat sijil yang penuh, 24 orang mendapat kelulusan General Certificate of Education dan enam orang telah mendapat sijil kenyataan lulus.

Chan Siew Fang dari Maktab Anthony Abell telah mendapat sijil kejayaan yang terbaik dan di-ikuti oleh Lucy Leong Mee dari Sekolah St. Angela's Convent. Kedua2-nya telah mendapat Sijil Tingkatan Satu.

Pegawai Pelajaran Negara Inche M. Mac Innes dalam memberikan pendapat-nya tentang keputusan itu berkata bahawa keputusan kali ini ada-lah lebih baik dari keputusan tahun lalu.

Penuntut2 yang mendapat kejayaan itu ada-lah seperti berikut:

MAKTAB SOAS

Dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin:—

Ak. Md. Zain bin P. H. Lam-poh (II), Amirul bin Abd. Ghani (II), Ang Kwang Huat (II), Han Foo Kwang (II), Nordin bin Md. Yusof (II), Omar bin Haji Serudin (II), Vincent Tay (II), Wong Mee Chu (II), Yvonne Agatha Then Swee Chin (II), Chin Vu Kheng (II), Wee Liang Foott (II).

Abd. Hamid bin Ismail (III), Arthur Andrews (III), Bahar bin Yahya (III), Catherine Chuh Khyun Tsen (III), Cheong Kim Hwa (III), Susan Wee Siew Choo (III), Susy Lee Nyuk Moi (III), Yeon Ann Joong (III).

Chalun2 yang mendapat kelulusan General Certificate of Education ia-lah:—

Abd. Wahab bin Md. Said, Ibrahim bin Mat Yassin, Ismail bin Ibrahim. Md. Yassin bin Salleh, Misli binte Awang, Othman bin Damit dan Yap Sook Kiat.

Chalun2 yang mendapat sijil kenyataan lulus dalam mata2 pelajaran yang di-ikuti mereka ia-lah:—

David Chong Khim Ki (Sastera Inggeris dan Tawarikh), Koh Poh Hwa (Bahasa Inggeris dan China), Lau Chung Kong (Bahasa Inggeris dan China), Lim Jock Seng (Bahasa Inggeris), Noraini binti Ahmad Yunus (Bahasa Inggeris) dan Norsham binti Ahmad Yunus (Bahasa Melayu).

Chalun persendirian ia-lah Kasim bin Adis (III).

ANTHONY ABELL

Maktab Anthony Abell, Seria:—

Chan Siew Fang (I), Ng Thian Seng (I), Kok Pui Wah (II), Chua Pheng Siong (II), Foo Foh Fhong (II), Jock Lin bin Kong-paw (II), Liew Pete Nyuk (II), Tan Giok Kiang (II), Wong Mei Yuen (II).

Abd. Aziz bin Mohammad (III), Chong Ah Bee (III), Chong Hok Hien (III), Choo Hon Fui (III), Lo Ah Moi (III), Chiam Thaw Hai (III) dan Dennis Teo (III).

Chalun2 yang mendapat General Certificate of Education ia-lah:—

Ka-Mekah

BANDAR BRUNEI.—Lapan orang lagi bakal jema'ah Haji telah berlepas dari sini pada 25 Mach ka-Labuan dalam perjalanan mereka kerana menunaikan fardhu Haji.

Dua orang dari mereka itu ia-lah perempuan.

Dengan bilangan itu sa-ramai 63 orang bakal jama'ah Haji telah meninggalkan Brunei ka-Mekah tahun ini.

Lebih dari 200 orang yang telah mendaftarkan nama untuk menunaikan fardhu Haji tahun ini telah menarek balek nama2 mereka di-sebabkan penderha-kaan.

Sayed Mohammad S. Othman, Abu Bakar bin Md. Hussin, Chow Soot Yee, Foo Yun Siong, Han Foo Kwang, Matthew Liew, Md. Jamuddin bin Sahat, Yahya bin Tinggal dan Tang Foong Ming.

ST MICHAEL'S

Sekolah St. Michael's, Seria:—

Chong Joon Sang (II), Chang Kau Chek (II), Leong Chen Wah (II), Lim Thuan Peng (II), Robin Th'ng Kok Kiang (II), Yap Sook Sang (II), Wan Peter (II).

Chan Ah Pok (III), George Gumma (III) dan Lau Kheng Meng (III).

Chalun2 yang mendapat General Certificate of Education ia-lah:—

Baihaki bin Jamil, Chen Nyuk Pan, Han Jong Kwang, William Ho, Ling So Sing, Low Jong Kheng dan Sasie V. K.

ST ANGELA'S

Sekolah St. Angela's Convent, Seria:—

Lucy Leong Mee (I), Bessie Viridi (I), Maria Yong Siew Huin (I), Mona Cheah Teik Heng (II), Catherine Chong Oi Lin (II), Agnes Wong Kiew Ling (II), Elsie Dolores Goh (III) dan Han Chow Yam (III).

Joyce Wee Siok Kee telah mendapat General Certificate of Education.

Melawat Sambil Bertugas

KUALA BELAIT. — Sa-ramai 15 orang pegawai2 Kerajaan dari beberapa buah pejabat di-Kuala Belait akan mengadakan lawatan rasmi ka-kampung2 di-Ulu Belait minggu depan.

Ini ada-lah lawatan kali kedua.

Lawatan yang pertama kali di-buat telah di-selenggarakan bersama2 dengan pegawai2 tentera dan tujuan-nya hanya-lah untuk mengetahui lebih dekat tentang keadaan kehidupan di-pendalaman.


Lawatan kali ini bukan s-dengan tujuan itu tetapi un-lawatan sambil menjalankan kewajipan pejabat masing2.

Rombongan yang akan diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Belait Pengiran Othman bin Pengiran Anak Salleh itu akan terdiri dari pegawai2 kanan pejabat2 Tanah, Perubatan, Pertanian, Penerangan dan Siaran Radio, Hutan dan Keamanan.

Pertunjukan wayang gambar yang berchurak ilmu pengetahuan akan di-lakukan di-kampung2 yang di-lawati itu.

Lawatan di-jangka akan mengambil masa sa-lama satu minggu.

BETULKAN TIMBANGAN DAN SUKATAN



Pada tiap2 tahun pegawai2 dari Pejabat Sukatan dan Timbangan mengadakan lawatan-nya ka-daerah2 di-negeri ini untuk memereksa dan membetulkan sukatan dan timbangan yang di-gunakan oleh tawki2 kedai, penjual2 sayur dan pengguna2 lain-nya. Bulan ini pegawai2 tersebut mengadakan lawatan-nya ka-Daerah Belait. Gambar di-atas menunjukkan pegawai2 itu sedang menjalankan tugas2 mereka di-bilik mahkamah Daerah Tutong sa-masa mengadakan lawatan ka-daerah itu bulan lepas.

KEMBALI SA-LEPAS BEREHAT DI-KUALA LUMPUR

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, dan rombongan baginda telah selamat tiba di-Brunei pada petang 24 Mach lepas dengan sa-buah kapal terbang sa-telah berchuti bersama2 dengan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan keluarga Diraji di-Persekutuan Tanah Melayu kira2 lebeh sa-bulan.

Baginda telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Januari yang lalu untuk menghabiskan chuti baginda bersama2 dengan dua orang putera baginda yang sekarang ini menuntut di-Kuala Lumpur.

Sa-masa berada di-Malaya baginda kerap berhubung dengan rombongan Kerajaan Brunei ka-perundingan Malaysia n telah mengikuti dengan teliti-nya segala perkembangan dalam perundingan antara Brunei dan Malaya itu.

Baginda telah juga melawat Askar2 Melayu Brunei di-Pusat Latehan Tentera, Persekutuan Tanah Melayu di-Port Dickson pada 21 Mach yang lalu.

Di-Lapangan Terbang Brunei di-sini rombongan baginda telah di-sambut oleh Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei Sir Dennis White, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Setia Marsal bin Maun, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Raja Azam, Pem-ar2 Tentera, Pegawai2 Kanan, Pehin2, Pengiran2, Penghulu2 dan Ketua2 Kampong.

Gotong

Royong

Bena

Jalan



Penduduk2 kampong yang di-ketuai oleh Penghulu Anak Adon kelihatan sedang bergotong-royong membena jalan kecil di-Sungai Liang/Lumut.

Kemalangan

BANDAR BRUNEI. — Satu Kemalangan yang melibatkan sa-orang China telah luka parah telah berlaku pada malam 23 Mach yang lalu di-batu 4 Jalan Tutong berhampiran dengan Jambatan Edinburgh di-sini.

Pemuda China yang malang itu ia-itu sa-orang tukang kayu sedang memandu sa-buah kereta sa-waktu terjadi kemalangan itu dengan sa-buah kereta van.

Yu dan dua orang penumpang kereta yang di-pandu-nya yang juga mendapat luka parah telah di-kejarkan ka-Rumah Sakit Besar di-sini dengan serta merta. Tetapi beberapa jam kemudian Yu telah menghambuskan nafas yang akhir di-rumah sakit tersebut.

Pemandu van itu dan sa-orang penumpang-nya juga telah mendapat luka parah dan masa ini sedang di-rawat di-rumah sakit di-sini.

Jalan Raya di-Belait Siap di-Bena

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menerangkan rasa terima kasih-nya kepada penghulu2, ketua2 dan anak2 kampong2 mereka atas kerjasama yang telah di-tunjukkan mereka bagi menjayakan usaha2 perkembangan luar bandar.

Pengiran Momin memberitahu penghulu2 dan ketua2 di-Daerah Belait dalam satu mashuarat yang di-adakan-nya dua minggu sa-kali di-bilek persidangan di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Kuala Belait, pada 1 April lepas.

Pegawai Daerah itu telah menumpukan rasa terima kasih-nya atas kerja2 membena jalan raya kecil yang panjang-nya 4 batu di-Kampong Taraban, Kuala Belait telah pun siap baharu2 ini.

Satu lagi jalan raya kecil yang panjang-nya 76 rantai di-Kampong Lumut/Liang telah juga siap di-bena.

Pembersehan sungai Teriam telah juga selesai dengan memuaskan hati, kata Pegawai Daerah itu.

Beliau berharap kerjasama yang sama dari penghulu2 dan anak2 kampong mereka akan terus menerus dapat di-achap demi kepentingan dan kebaikan mereka sendiri juga.

"Kerja gotong royong yang bagini-lah sangat2 di-kehendaki dan dengan jalan ini-lah sahaja kita dapat menikmati kema'amoran negeri dengan lebeh chepat dan lichin", kata Pengiran Momin.

D.Y.M.M. KEMBALI



Gambar di-atas di-ambil sa-jurus sa-telah Duli Yang Maha Mulia tiba di-Lapangan Terbang Brunei dari Persekutuan Tanah Melayu sa-telah baginda berchuti di-sana sa-lama kira2 lebeh dari sa-bulan. Di-lapangan terbang baginda telah di-sambut oleh Pembesar2 Negara, Pengiran2, Pehin2, Menteri2 dan pegawai2 kanan kerajaan serta ra'ayat baginda yang lain-nya.

Kewajipan Ketua

BANDAR BRUNEI.—Pegawai Daerah Brunei/Muara Inche Sani bin Ahmad baharu2 ini telah menggesa penghulu2 dan ketua2 kampong supaya berdam-ping lebeh rapat dengan anak2 buah mereka untuk mengetahui lebeh dekat masalah2 dan kesulitan anak2 kampong mereka.

Inche Sani telah memberitahu penghulu2 dan ketua2 kampong itu dalam satu meshuarat bagi penghulu2 dan ketua2 di-Daerah Brunei/Muara yang di-adakan tiap2 dua minggu sa-kali di-mahkamah di-sini.

Pegawai Daerah itu berkata dengan jalan merapatkan diri dengan anak2 buah itu penghulu2 akan mengetahui kedudukan di-kampong masing2 dan senang-lah mengambil langkah untuk mengatasi-nya kalau di-kira perlu.

Ada-lah menjadi kewajipan penghulu2, kata Inche Sani, menasehatkan anak2 buah mereka supaya menghormati peratoran2 dan undang2 Kerajaan sambil menta'ati-nya demi mengekalkan keamanan negeri ini.

Dalam meshuarat itu beberapa orang penghulu telah menchadangkan supaya ranchana2 perkembangan dapat di-jalankan di-kampong masing2 di-bawah ranchangan dharurat luar bandar.

Chadangan itu akan di-kemukakan kepada Kerajaan untuk mendapatkan pertimbangan.

JASA BAIK SIR DENNIS TIDAK DI-LUPAKAN

ISTANA DARUL HANA. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei Dato Setia Marsal bin Maun berkata bahawa jasa Sir Dennis White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei tidak dapat di-lupakan oleh ra'ayat yang mengenal kemajuan dan kema'amoran di-negeri ini.

Dato Setia Marsal telah berucap dalam majlis perpisahan yang telah di-adakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Istana Darul Hana pada malam 31 Mach lepas.

Sir Dennis telah pun meninggalkan Brunei pulang ka-tanah ayer-nya England untuk bersara kerana sebab2 kesehatan, pada 1 April, 1963.

Menteri Besar itu berkata, kapada kita yang ada di-Brunei ini, Sir Dennis White tidak-lah asing lagi kerana beliau ada-lah sa-orang yang terkenal bukan hanya di-kalangan pegawai2 kerajaan, orang2 besar negara, malah beliau juga ada-lah dikenali oleh sa-bilangan besar penduduk di-negeri ini dari berbagai2 bangsa.

"Beliau ada-lah sa-orang yang sangat peramah dan baik hati dan sa-orang yang sentiasa mengambil berat dalam hal untong nasib penduduk2 di-wilayah Borneo terutama sa-kali di-negeri kita Brunei ini," tegas Dato Setia Marsal.

"Jasa2 beliau sejak dari beliau menjadi British Resident hingga menjadi Pesuruh Jaya Tinggi di-Brunei ini tidak dapat kita lupakan sa-bagai orang yang mengenal kemajuan dan kema'amoran di-negeri ini."

Menteri Besar itu sa-terus-nya berkata Sir Dennis bukan saja telah dapat menyumbang perkhidmatan-nya yang chemerlang di-segi jawatan-nya, malah beliau telah memimpin dan

berdamping rapat dengan pasokan2 pengakap dan palang merah di-Brunei ini.

Dato Setia Marsal berharap muga2 jasa baik yang telah ditaborkan oleh Sir Dennis itu akan menjadi satu perangsang dan chontoh yang baik buat menuju ka-arrah kemajuan, bukan hanya untuk pada masa ini, dan sa-terus-nya untuk pada masa2 akan datang.

"Sir Dennis telah mensifatkan diri-nya sa-bahagian dari orang2 kita di-Borneo ini," kata Dato Setia Marsal lagi.

Kemudian Menteri Besar itu mengingatkan sa-mula latar belakang dan serba rengkas riwayat hidup Sir Dennis.

Beliau telah menyebut2 tentang keremajaan Sir Dennis dari ayer muka-nya walau pun dari segi usia-nya sekarang meningkat hampir2 53 tahun.

Beliau juga menyebut2 keistimewaan dan kebijakan Sir Dennis sa-masa dalam berbagai2 peringkat dalam perkhidmatan2 di-negeri2 di-wilayah Borneo.

Sambil mengakhiri ucapan-nya Dato Setia Marsal telah menyudahi dengan membacakan sa-rangkap pantun:

"Pisang emas di-bawa belayar,
Masak sa-biji di-atas peti;
Hutang emas dapat di-bayar,
Hutang budi di-bawa mati".

AHLI2 D.E.C. BELAIT



Jawatankuasa Dharurat Daerah Belait (D.E.C.) mengadakan persidangan-nya tiga kali sa-minggu di-bilik Pegawai Daerah Belait. Gambar di-atas menunjukkan (dari kiri) Mrs. A. Hamilton (Setiausaha), Mr. J. R. H. Burns (Timbalan Pesuruhjaya Pulis), Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail (Pengerusi), Lt. Col. H. C. I. Rome (wakil angkatan bersenjata British di-Belait), Inche G. William (wakil dari Sharikat Minyak Shell Brunei) dan O.C.P.D. Ibrahim bin Aziz.

Sir Dennis Sahabat Karib

(Dari Muka 1)

juga dalam keadaan kesentosaan dan dharurat—masa yang berkhendakkan tenaga dan fikiran yang waras dan chepat bagi mengembalikan keamanan.

"Sahabat yang sentiasa berdamping dengan beta dalam mengendalikan dan mengarahkan kema'amoran dan keselamatan negeri Brunei yang kita chinta ini. Sir Dennis tidak lama lagi akan meninggalkan kita sekalian dan kembali ka-tanah ayer-nya kerana bersara sa-telah berkhidmat dengan chemerlang-nya beberapa tahun di-negeri kita ini.

Kemudian baginda sa-kali lagi mengulang atas hubungan persa-

habatan baginda dengan Sir Dennis.

Titah baginda, "Sir Dennis ada-lah lebih tepat kalau beta katakan sa-orang sahabat akrab beta dan sa-orang teman yang bijak dalam segi pentadbiran. Beta berharap walau pun Sir Dennis White tidak akan bersama kita lagi, tetapi beta penoh menaruh kepercayaan, Sir Dennis akan sentiasa bersama2 dengan kita dan mengikuti akan kemajuan dan keadaan hidup kita sa-hari2 di-Brunei ini.

"Tuan2 sekalian.

"Sungguh pun tadi beta mengatakan beta berdukachita, tetapi walau bagaimana pun beta

bersyukur kepada Allah kerana sa-lama Sir Dennis White bersama2 dengan beta, beta merasa megah dan untong kerana Sir Dennis sentiasa menunjokkan diri-nya siap sedia dan riang dan sentiasa memudahkan beta mendapat nasehat2 yang amat berguna dari beliau.

"Beta berharap, sa-kembali-nya beliau ka-negera United Kingdom, beliau akan sentiasa di-da'am kandungan sehat wal'afiat dan mudah-mudahan beliau akan sentiasa di-dalam keadaan yang di-peliharakan Allah dan berharap mudah-mudahan da'am satu masa yang di-izinkan Allah, beta dan sahabat beta ini akan dapat berjumpa lagi; walau di-mana sa-kali pun.

Beralah kapada suasana mengalu2kan ketibaan Tuan Angus Mackintosh ka-Brunei untuk memegang jawatan sa-

bagai Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-negeri ini, baginda telah mengatakan rasa sukachita baginda.

LAWATAN

KUALA BELAIT. —

Sa-ramai 15 orang pegawai2 Kerajaan dari beberapa buah pejabat di-Kuala Belait akan mengadakan lawatan rasmi kakampong2 di-Ulu Belait minggu depan.

Lawatan kali ini bukan saja dengan tujuan itu tetapi untuk lawatan sambil menjalankan kewajipan pejabat masing2.

Rombongan yang akan diketuai oleh Penolong Pegawai Daerah Belait Pengiran Othman bin Pengiran Anak Salleh itu akan terdiri dari pegawai2 kanan pejabat2 Tanah, Perubatan, Pertanian, Penerangan dan Siaran Radio, Hutan dan Keamanan.

Pertunjukkan wayang gambar yang berchurak ilmu pengetahuan akan dilakukan di-kampong2 yang di-lawati itu.

Lawatan di-jangka akan mengambil masa sa-lama satu minggu.

".....dan di-samping itu, beta merasa sukachita pula kerana ba'kata pepatah: 'patah tumbuh hilang berganti'.

"Sungguh pun kita kehilangan Sir Dennis White, tetapi kita rasa sangat berbesar hati kerana Yang Mulia Tuan A. M. Mackintosh akan dapat pula bersama2 kita dalam mengendalikan pentadbiran dan akan menasehatkan beta bagi Negeri Brunei ini.

"Kita percaya bahawa Tuan Mackintosh juga tidak akan kurang kebijaksanaan-nya malah beta percaya akan lebih2 lagi dapat memberi nasehat dan bantuan yang baik kepada beta dan juga kepada Kerajaan beta di-negeri ini."

Ranchangan Perpindahan

Kerajaan Brunei sedang dan telah pun memusatkan perhatian-nya sejak beberapa tahun dahulu untuk mengambil langkah dalam mencapai taraf hidup yang lebih baik dan berkemajuan di-kalangan ra'ayat-nya.

Di-beberapa tahun yang lampau, ra'ayat dan negeri Brunei di-anggap oleh orang2 luar sa-bagai sa-buah negeri dan ra'ayat-nya yang maseh lagi belum mencapai taraf hidup yang luas dan berkemajuan sa-bagai mana yang telah di-nikmati oleh negara2 lain.

Tetapi anggapan2 seperti itu telah beransor2 hilang di-telan masa memandang kepada keadaan Negeri dan langkah2 Kerajaan-nya yang dinamik dan membawa kesan yang lebih besar ert-nya terutama sa-kali di-kalangan ra'ayat-nya sendiri.

Hal ini dapat di-lihat dengan



Pehin Orang Kaya Shahbandar

menubuhkan sa-buah Pejabat yang baharu dalam tahun 1961 ia-itu Pejabat Perpindahan. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar, Dato Setia Haji Ahmad bin Daud telah pun di-lantik sa-bagai ketua-nya.

Menurut Pegawai Perpindahan itu, perbelanjaan bagi ranchangan perpindahan kampone2 ayer ini ada-lah termasuk dalam perbelanjaan Ranchangan kemajuan 5 Tahun (1962—1967).

Penyelidikan2 untuk mencari kawasan tanah yang di-fikirkan sesuai untuk menempatkan perpindahan bagi penduduk2 kampung ayer itu telah pun mendapat kejayaan.

Satu kawasan yang berham-piran dengan kampung Burong Pinggi Baru, Jalan Berakas, kira2 empat batu dari Bandar Brunei yang luas-nya lebih kurang 350 ekar telah di-untukan bagi kawasan perpindahan tersebut.



Pekerja2 sedang membersekan kawasan tanah perpindahan berdekatan dengan Kampung Burong Pinggi Baharu Berakas.

mata kasar bahawa Kerajaan telah dan sedang pun menumpukan usaha2-nya untuk ranchangan2 yang beranika chorak dan langkah sesuai dengan azam-nya hendak mengukoh, mem-baiki dan memajukan lagi taraf kehidupan penduduk2 dalam Negeri ini.

Salah satu langkah yang mem-bawa kesan, yang di-pupok oleh keinginan Kerajaan Brunei untuk melihat ra'ayat-nya bergumal dengan udara kemajuan dan taraf hidup yang luas dan dinamik ia-lah dengan ranchangan-nya yang baharu ia-itu "Ranchangan Perpindahan Kampung Ayer".

Untuk mengendalikankan ranchangan ini, Kerajaan Brunei telah

Kerja2 pembersehan kawasan tanah itu telah di-jalankan sejak beberapa bulan yang lalu.

Ranchangan tersebut, menurut Pehin Orang Kaya Shahbandar, pada dasar-nya memang di-khususkan kepada orang yang suka tinggal di-kampung2 ayer, tetapi tidak-lah bererti semua, melainkan kepada orang2 yang suka akan pindah ka-darat sahaja.

Beliau juga menegaskan bahawa tujuan Kerajaan untuk mengadakan ranchangan perpindahan ini ada-lah untuk melihat lebih baik lagi kehidupan penduduk2 di-negeri ini, terutama sa-kali bagi penduduk2 di-kampung2 ayer.

Mengenai kemudahan2 yang akan di-nikmati oleh orang2 yang akan menduduki kawasan kampung perpindahan itu, beliau menjelaskan bahawa beberapa kemudahan2 seperti mendatangkannya paip2 ayer, lampu2 elektrik dan jalan2 raya pada masa ini sedang di-ranchangkan untuk mengadankannya.

"Di-samping itu berbagai2 bangunan pembangunan seperti pembenaan mesjid, sekolah, kelinik, padang permainan, pasar, keda2 sederhana dan lain2 bangunan jika mustahak juga akan di-dirikan," tambah beliau.

Pejabat Perpindahan itu juga sekarang ini telah di-tugaskan untuk mengendalikannya kuasa2 mengenai perpindahan2 kampung2 Burong Pinggi Baru, Delima, Pulau dan Bunut yang dahulu-nya di-kendalikan oleh Pejabat Pegawai Daerah Brunei.

Berchakap mengenai Penghidupan penduduk2 yang telah pindah di-keempat2 kawasan perpindahan itu, Pehin Orang Kaya Shahbandar berkata bahawa penduduk2 yang telah pindah itu masa ini boleh di-katakan telah mencapai penghidupan yang lebih baik dengan pembangunan rumah2 mereka yang menarik hati jika di-bandingkan dengan kehidupan mereka di-kampung ayer dahulu.

"Mereka sekarang telah mendapat kemudahan2 seperti paip2 ayer, lampu2 elektrik dan jalan2 raya dan kebanyakan daripada mereka telah pun memakan hasil tanaman2 yang mereka usahakan, hanya di-kampung kawasan Burong Pinggi Baru sahaja yang belum lagi mempunyai lampu, tetapi walau bagaimanapun, sekarang ini sedang di-usahakan untuk mendatangkannya," tegas beliau.

KA-K. Lumpur

BANDAR BRUNEI. — S rombongan 14 orang dari empat buah parti2 politik di-Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada 1 April lepas untuk satu bidang lawatan singkat di-sana.

Sa-masa di-Malaya mereka akan berpeluang melawat ka-tempat2 di-kawasan perkembangan luar bandar yang di-bawah Ranchangan Perkembangan Luar Bandar Malaya.

Pemergian mereka ada-lah atas jemputan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Rombongan itu ada-lah diketuai oleh President Parti Perjuangan Ra'ayat Brunei Inche Arshad bin Marsal.

Rombongan itu di-jangka berada di-luar negeri sa-lama dua minggu.

HAMPIR SEMUA

BERAKAS. — Perundingan2 penting mengenai chadangan kemasokan Brunei ka-dalam Malaysia telah mendapat persetujuan antara rombongan Brunei dengan rombongan Persekutuan Tanah Melayu dalam perundingan-nya yang di-adakan di-Kuala Lumpur.

Ini telah di-beritahu oleh Timbalan Menteri Besar Brunei Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud di-sini sa-tiba-nya kembali dari Malaya.

Dato Setia Pengiran Haji Ali berkata hanya perkara2 yang kecil sahaja maseh lagi akan di-rundingkan dan ini di-jangka dapat di-buat tidak berapa lama lagi.

Perundingan atas kemasokan Brunei ka-dalam Malaysia telah di-adakan di-Kuala Lumpur sa-lama dekat dua bulan.

Timbalan Menteri Besar itu berkata menurut kemajuan2 yang di-dapat dalam perundingan itu ada kemungkinan Brunei akan menvertai dalam Persekutuan Malaysia yang di-chadangkan ujud pada 31 Ogos tahun ini.

Lawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Tuan K. Terada, sa-orang konsul Jepun dari Pejabat Consul General Jepun di-Singapura telah tiba di-sini dari Sandakan pada 19 Mach lepas.

Beliau telah mengadakan satu bidang lawatan-nya ka-negeri2 di-wilayah British Borneo.

Beliau telah memberitahu pemberita kita, Kerajaan-nya berasa gembira kerana dapat tahu tentang harta benda orang2 Jepun di-negeri ini ada-lah dalam keadaan selamat pada waktu terjadi-nya pemberontakan dahulu itu.

Tuan Terada ada-lah fasih bertutor dalam bahasa Melayu.

Sa-tiba-nya di-Lapangan Terbang Brunei di-Berakas, beliau telah di-temui oleh Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

**Merdeka Dalam
Malaysia Mem-
bawa Keamanan
dan Kema'moran
Ra'ayat**

CAMP-FIRE: Upachara Perpisahan "Saya Terpaksa Berpisah" -Sir Dennis.

BANDAR BRUNEI. — Satu upachara "camp fire" perpisahan bagi ketua pengakap2 di-Brunei, Sir Dennis White telah di-adakan dengan meriah-nya di-Padang Besar di-sini pada malam 27 Mach lepas.

Kira2 1,000 orang pengakap2 dan pandu puteri dan juga tetamu khas telah hadir dalam upachara tersebut.

Antara yang hadir termasuklah President bagi Majlis Pengakap2 Negeri Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Maun, Pesuruhjaya Pengakap2 Negara, Inche P. A. Coates, ahli2 Majlis Pengakap2 dan pertubuhan2 pengakap daerah2 Brunei dan Belait.

Pengakap2 yang tinggal di-Muara juga telah turun ka-Bandar Brunei untuk turut serta dalam majlis perpisahan itu.

Dato Setia Marsal dalam ucapan-nya memuji2 kegiatan Sir Dennis dalam lapangan pengakap2 telah berkata bahawa Sir Dennis ada-lah sa-orang yang peramah dan ayer muka-nya sentiasa berseih di-hiasi dengan senyuman yang mesera.

Ini, kata Dato Setia itu, adalah satu2-nya sifat atau salah satu sharat yang terkandung dalam undang2 pengakap.

Kata Beliau Sir Dennis adalah sa-orang yang sangat2 mengerti akan kedudukan negeri dan penduduk2 di-sini. Tetapi beliau terpaksa berpisah dengan kita kerana kesehatan, tegas beliau.

"Kita tidak dapat bercherai tetapi kehendak Tuhan tidak dapat di-elakkan," kata Dato Setia Marsal.

Kemudian Dato Setia Marsal beroleh menasehatkan pengakap2 supaya mengikuti jejak langkah Sir Dennis terutama dalam lapangan pengakap.

Kata beliau Sir Dennis telah berkhidmat sa-lama berpuluh2 tahun di-wilayah ini dan atas apa jua yang telah di-lakukan oleh-nya sa-harus-nya akan di-chontohi.

Kemudian beliau menyeru kepada pengakap2 tersebut supaya berdo'a sa-muga Sir Dennis akan di-lanjutkan usia-nya.

Walau pun beliau akan ber-

ada di-England, kata Dato Setia Marsal, namun beliau akan sentiasa ingat kepada kita semua.

Sir Dennis White dalam menjawab ucapan Dato Setia Marsal itu berkata ia-nya sangat2 terhutang budi dan berterima kaseh atas hadiah2 yang di-berikan oleh pengakap2 itu.

Kata Sir Dennis, "saya terpaksa berpisah.

"Bagitu-lah.....kapal lama masok dok; dan di-ganti dengan kapal yang baru", tegas beliau.

Upachara camp fire itu telah di-mulai pada jam 7.00 malam itu dan berakhir kira2 sa-lepas sa-jam.

Hadiah2 chendera mata dari pengakap2 Daerah Brunei dan

Daerah Belait telah pun di-sampaikan kepada Sir Dennis White dalam upachara malam itu.



Dato Setia Marsal menyampaikan hadiah chenderamata kepada Sir Dennis (atas), dan gambar sa-belah bawah, pengakap2 kelihatan bersukaria sa-waktu mengadakan camp fire perpisahan di-Padang Besar Bandar Brunei.

BERITA RADIO JAKARTA "BOHONG" - Tentera

BANDAR BRUNEI. — "Bohong dan tidak benar sama sekali" demiikian ibu Pejabat tentera di-Brunei menegaskan terhadap satu siaran Radio Jakarta yang mengatakan bahawa sa-ramai 47 orang tentera Inggeis telah termasuk ka-sabelah pehak penderhaka di-Brunei bersama2 dengan senjata2 api mereka.

Sa-orang juruchakap tentera berkata berita demikian ada-lah satu chara yang di-buat2 untuk mengelirukan orang ramai supaya perchaya bahawa ada lagi gerakan2 penderhaka maseh chergas di-wilayah2 Borneo ini.

Juruchakap itu berkata chadangan itu tidak ada benar-nya sama sa-kali. Telah di-ketahui oleh pasukan keselamatan hanya ada lagi kurang dari 100 orang

penderhaka maseh mengendap di-hutan2 dan paya di-kawasan2 Brunei dan Sarawak.

Berita mengatakan tentera Inggeris telah menyebelahi penderhaka itu memang jauh dari benar, sedangkan belum lama ini lapan orang penderhaka telah terbunuh, 98 di-tawan dan 16 orang telah menyerah diri kepada pasukan keselamatan.

Dengan kenyataan itu saja pun sudah menchukupi untuk menerangkan betapa bohong dan tidak benar-nya berita yang di-siarkan oleh Radio Jakarta itu.

Pasukan keselamatan tidak ada mendapat apa2 kemalangan dalam gerakan2 perang-nya.

"TATOO" DI-LIMBANG

LIMBANG. — Satu upachara "tattoo" telah di-adakan oleh pasukan tentera 1/7 Duke of Edinburgh's Own Gurkha Rifles di-Limbang pada malam 30 Mach lepas untuk meraikan kejayaan mereka atas penderhaka2 dan menunjukkan bahawa kehidupan yang lebeh meriah ada juga terdapat dalam ketenteraan dari kehidupan di-hutan.

Berbagai2 pertunjukan yang menunjukkan kebijakan mereka dengan senjata2 api dan perbarisan telah pun dapat di-saksikan oleh orang ramai malam itu.

Tarian Orang2 pergunongan oleh pancharagam ketumbukan serunai dan upachara "Beat the Retreat" telah juga di-tunjukkan dan di-ikuti oleh persembahan tari2an tempatan oleh pasukan Polis Sarawak.

Bagi menunjukkan penghargaan kepada askar2 itu pendudukan2 Limbang telah pula mengadakan majlis tarian ronggeng dan ini telah pun mendapat sambutan yang paling meriah.

Derma Dari Kesatuan Pegawai Tetap Kerajaan

BANDAR BRUNEI. — gawai2 Tertinggi dari Kesatuan Pegawai Tetap Kerajaan Brunei telah menyampaikan wang derma sa-banyak \$686.50 kepada Tabong Derma Banjir di-sini pada 1 April yang lalu.

Wang tersebut telah di-serahkan oleh tiga orang pegawai2 tertinggi kesatuan itu yang terdiri dari Inche Yusof bin Tahir (President), Inche Jaya bin Abdul Latif (Setia Usaha Agung) dan Inche Chong Tet Kong (Bendahari) kepada pemegang amanah Tabong Derma Banjir, Inche R. D. Ross di-Pejabat Borneo Company di-sini.

Menurut Inche R. D. Ross, dengan itu, jumlah wang derma tersebut sa hingga hari ini telah berjumlah \$24,374.35 dan \$20,000.00 dari jumlah itu telah di-bahagi2kan kepada mangsa2 banjir di-Daerah2 Tutong, Temburong dan Belait dengan melalui pegawai2 daerah di-daerah2 tersebut.

Inche R. D. Ross berkata, memandang kepada kerosakan2 rumah tangga yang telah di-deritai oleh mangsa2 banjir di-ketiga2 daerah itu, maka derma wang maseh lagi di-kehendaki.

Penuntut Musium

BANDAR BRUNEI. — Dua orang penuntut dalam hal ehwal musium telah berlepas ka-Kuching untuk menjalani latchesan sa-lama dua tahun di-musium Kuching.

Mereka bertolak pada 28 Mach lalu.

Mereka itu ia-lah Abdul Rahim bin Ahmad dan Ahmad bin Shari.

Jawatan2 Kosong: Di- Jabatan Siaran Radio dan Penerangan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 berikut di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

(a) PEMBANTU TEKNIK TINGKATAN III — 3 jawatan kosong.

Pemohon2 hendak-lah lulus Form III Inggris dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Science dan Ilmu Hisab atau kelulusan yang serupa dengan-nya. Kelulusan dalam perkara2 Radio dalam Sijil City and Guilds adalah satu keutamaan.

Tingkatan gaji ia-lah dalam sukatan \$211-220x10-260-280-290 / Exam / 310-330 / 350-370-400x20-560. Gaji permulaan an bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

(b) PEGAWAI KECHIL TEKNIK JAWATAN RENDAH: — 1 Jawatan kosong.

Pemohon2 hendak-lah lulus Form II Inggris dengan menda-

pat kepujian dalam Ilmu Hisab atau kelulusan yang serupa dengan-nya.

Tingkatan ia-lah dalam sukatan \$183x7-211-220x10-260-280-290-300.

Sharat2 lantekan:—

Sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk 6 bulan masa perhubungan, Kontrek boleh di-baharui sa-kira-nya kedua2 pehak bersetuju. Pemohon2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap, sa-telah menamatkan masa perhubungan sa-lama tiga tahun.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 30 April, 1963.

Jawatan Jururawat Kesehatan

Pemohon2 hendak-lah lulus jemput daripada chalun2 yang terdiri dari ra'ayat Sultan atau yang berhak untuk di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan bagi jawatan sa-bagai Jururawat Kesehatan Rendah Perhubungan Perkhidmatan2 Kesehatan di-Bandar di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Jawatan tersebut di-kehendaki sa-ramai 4 orang.

KELAYAKAN:

* Mesti lulus Darjah VII dalam Sekolah Melayu.

* Mesti bujang.

GAJI: Dalam tingkatan

\$183x7-211-220x10 - 260 - 280-290-300.

UMOR: Di-antara 16-25 tahun.

Pemohon2 yang berjaya adalah di-kehendaki untuk berkhidmat sa-chara perhubungan sa-lama dua tahun dan akan di-kehendaki mengambil kursus latihan praktikal di-Pusat Kesehatan di-Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 30 April, 1963.

Pemandu Moto-Bot

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Pemandu Moto-bot di-Pejabat Daerah dan Tanah, Belait.

Gaji ia-lah dalam tingkatan \$152x3-158-160-180-184-x4-200.

Hanya permohonan mereka yang mempunyai kelayakan dan pengalaman seperti berikut boleh di-timbangkan:—

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor-bot dimana2 sungai dalam sa-barang daerah untuk dalam beberapa tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah juga mengetahui serba sa-dikit tentang ingin moto-bot dan dapat membetulkan-nya.

(c) Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat Sultan Brunei atau pun berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'ayat Sultan.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 25 April, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Record of Service yang lengkap.

SOKONG-LAH D.Y.M.M.

(Dari Muka 1)

jaminan yang sa-habis baik bagi ketenteraman, keselamatan, kemajuan dan kesejahteraan.

Tetapi dukachita saya menyatakan bahawa tabib2 telah memerintahkan saya mengambil rehat yang panjang, bebas dari semua gangguan dan tanggong jawab.

Saya tahu, dalam sa'at yang genting ini, saya tidak patut mengambil chuti, tanpa mengatahui sama ada saya akan menjadi sehat dan dapat balek bekerja atau pun tidak, dan adalah tidak bijak menhuba bekerja terus manakala tuan tabib menyatakan tidak sehat.

KESEMPATAN

Oleh sebab itu, jalan yang baik bagi saya hanya-lah memohon supaya bersara dan memberi kesempatan kepada Setiausaha Tanah2 Jajahan mendapatkan sa-orang Pesuruhjaya Tinggi yang baharu yang dapat menanggung bebanan yang berat dan memberi nasehat dan pertolongan yang di-kehendaki dalam beberapa bulan yang akan datang.

Satu lagi bab dalam sejarah negeri Brunei yang panjang, akan di-tutup dan membuka bab yang baharu, yang saya harap akan membawa kebahagiaan dan kesejahteraan.

Pilehan ini jatuh kepada Tuan Angus Mackintosh, sa-orang kawan lama dan sangat saya hormati, dan sa-orang yang mengetahui benar2 akan hal Timur Jauh.

KEMEGAHAN

Dia selalu membuat lawatan ka-Brunei dahulu, dan mempunyai chinta yang tulen terhadap tuan2 sekalian. Dia mengetahui dengan mendalam akan kesusahan tuan2.

Saya yakin yang ia akan bekerja untuk kepentingan tuan2 dan saya yakin tuan2 akan menunjangkan timbang rasa dan ramah tamah kepada-nya seperti yang tuan2 telah lakukan kepada diri saya.

Ada-lah menjadi kemegahan kapad saya dapat berkhidmat di-Brunei dalam masa perubahan dan kemajuan.

Saya akan sentiasa terutang budi kepada Duli Yang Maha Mulia kerana timbang rasa, pertolongan dan pemberansangan yang tidak putus2 di-limpahkan kepada saya.

Saya tahu betapa Duli Yang Maha Mulia chintakan kesejahteraan tuan2 sekalian, saya tahu tuan2 sa-bagai membalas chinta Duli Yang Maha Mulia menumpahkan ta'at setia tuan2 sekalian kepada Baginda.

Sa-telah awan gelap penderhakaan yang baharu2 ini menimpa tuan2 telah berlalu, saya

minta pada tuan2 sekalian supaya memberi kepercayaan yang penoh, kepada Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Baginda dengan pengetahuan yang penoh bahawa kesejahteraan tuan2 sahaja yang membi-sek keputusan menentun masa depan bagi Brunei.

Saya mesti juga menguchapkan terima kasih kepada semua kakitangan Kerajaan yang telah memberi perkhidmatan yang ta'at setia dan berdiri di-belakang saya di-masa saya menjadi British Resident, dan sa-telah saya menjadi Pesuruhjaya Tinggi mereka juga terus memberi timbang rasa dan ramah tamah kepada saya.

Saya akan membawa dalam persaraan saya kenangan yang menggembirakan di-masa beberapa tahun di-Brunei, ia-itu pergaulan saya dengan Budak2 Pengakap, Palang Merah, Orang2 Kerajaan, dan tuan2 sekalian sama ada yang tua mahu pun kanak2.

Saya akan sentiasa meneliti kemajuan akan datang negeri Brunei dengan perasaan chinta yang mendalam.

SELAMAT TINGGAL

Saya harap siapa sahaja antara tuan2 sekalian yang akan datang ka-England di-masa depan tidak akan lupa kan saya sa-bagai teman yang lama, dan memberi peluang kepada saya untuk berjumpa dengan tuan2 sa-kali lagi.

Saya menguchapkan selamat tinggal sekarang.

Mudah2an Tuhan menchurahkan kepada Duli Yang Maha Mulia, Raja Isteri, putera2 dan puteri2 Baginda, dan tuan2 sekalian keselamatan dan kesejahteraan.

Selamat tinggal dan selamat berbahagia.

Derma Banjir

BANDAR BRUNEI. — Jawatan Kuasa Derma Banjir Brunei telah membayar sajumlah \$20,000.00 dari tabong kutipan derma banjir untuk mengsa2 banjir di-daerah2 Tutong, Belait dan Temburong.

Mengumumkan ini kemarin, Setia Usaha jawatankuasa itu, Inche R. D. Ross berkata, lagi banyak derma yang berupa wang ada-lah di-kehendaki kalau mengsa2 itu akan di-bantu dengan baik.

Wang ada-lah di-kehendaki untuk mendirikan sa-mula rumah2 yang telah rosak dan membaiki ka-atas harta benda yang terkubun oleh banjir itu.

Jumlah wang derma yang telah di-terima sekarang ia-lah sa-banyak \$24,374.35.

17 Das Tembakan Untok Perpisahan di-Padang

BERAKAS. — Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris Tuan Yang Terutama Dato Seri Paduka Sir Dennis White telah meninggalkan Brunei dari lapangan terbang di-sini pada 1 April lepas kerana bersara di-tanah ayer-nya England.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berangkat ka-lapangan terbang untuk memberi selamat belayar kepada Sir Dennis.

Turut hadir bersama2 ba-ginda ia-lah Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Cheteria, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato Setia Marsal bin Maun, Pesuruh Jaya Tinggi ba-haru Tuan Angus Mackintosh, pegawai2 kanan Kerajaan dan pemimpin2 pertubohan.

Sa-belum menaiki kapal ter-bang Sir Dennis telah memereksa satu barisan kehormatan yang terdiri dari gabungan pasukan pulis/tentera.

Air Marshal

BANDAR BRUNEI. — Pe-lawat2 ka-ibu pejabat Angkatan Bersenjata Tentera British di-Bandar Brunei minggu lepas ter-masuk Air Chief Marshal Sir Charles Elworthy, Comander-in-Chief di-Timor Tengah.

Baharu2 ini beliau telah di-lantik sa-bagai Chief of Air Staff.

Sa-ta asa melawat ka-ibu peja-bat tentera itu beliau telah di-terangkan serba ringkas berke-naan dengan kedudukan gerakan2 di-Brunei oleh Major General W. C. Walker, Pengarah Gerakan2 Peperangan di-Brunei.

Sir Charles Elworthy, dengan memakai helikopter, telah juga mengadakan lawatan ka-Long Seridan dan Long Akah.

Sa-masa pertemuan Sir Charles dengan Temanggung di-tem-pat itu beliau telah di-ra'ikan di-Rumah Panjang sana.

Sir Charles telah bertolak dari Brunei ka-Hongkong untuk me-neruskan lawatan-nya di-Timor Jauh.

Kemudian, dengan di-temani oleh Duli Yang Maha Mulia, Sir Dennis telah menjumpai pegawai2 kanan Kerajaan, pemimpin2 kaum dan orang2 besar negara untuk memberi selamat tinggal.

Sa-jurus kemudian, dalam perjalanan Sir Dennis ka-kapal terbang yang akan membawa beliau, tembakan sa-banyak 17 das telah di-buat sa-bagai me-

nghormati keberangkatan Sir Dennis.

Sementara itu pada 31 Mach satu istiadat "Beating the Retreat" yang telah di-persembahkan oleh pasukan pancharagam Pulis Brunei, pasukan pancharagam seruling King's Own Yorkshire Light Infantry dan pasukan serunai dan tambor dari Duke of Edinburgh's Own Gurkha Rifles telah di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei.

Istiadat itu ada-lah sa-bahagian dari perayaan sa-bagai menghormati Sir Dennis White.

Penerbangan penghormatan telah juga di-lakukan di-angkasa Bandar Brunei pada hari itu.


"Orient Explorer"

BRUNEI. — Alat pengorek minyak "Orient Explorer" telah di-pindah dari Sarawak ka-Brunei dua minggu lepas untuk mengorek minyak di-perayeran Brunei.

Sharikat Minyak Shell Brunei dalam mengumumkan ini ber-kata alat pengorek itu akan di-tempatkan di-pantai Anduki.

Orient Explorer itu tidak ber-jaya mendapatkan telaga minyak sa-masa di-gunakan di-perayeran kira2 satu batu dari Tanjong Lubang, Miri.

Alat itu telah mengorek sa-dalam 4,388 kaki ka-dalam tanah.



Istiadat Beating the Retreat telah di-adakan di-padang Besar Bandar Brunei bagi meraikan Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris yang pertama di-Brunei, Dato Seri Paduka Sir Dennis White sa-hari sa-belum beliau meninggalkan Brunei.

Ketua2 Penderhaka Tewas

BRUNEI. — Dalam tempoh dua minggu kebelakan ini beberapa orang lagi penderhaka2 yang telah mengendap di-hutan2 Brunei dan Limbang telah terbunuh dan tertawan dan ada antara-nya menerima luka parah.

Yang menunjukkan kejayaan gilang gemilang bagi pasukan keselamatan dalam gerakan-nya menghapuskan saki baki penderhaka, dua orang pemimpin penderhaka yang notorious telah tertawan dan sa-orang terbunuh.

Khairul Salleh bin Kerudin ketua penderhaka, nama-nya

dalam senarai orang2 yang di-kehendaki di-Limbang telah terbunuh di-Batu 6 jalan Pandaruan bersama2 dengan sa-orang lagi kawan-nya Mohamad bin Badar, pada 21 Mach lepas.

Dua orang ketua penderhaka, Haji Gharib bin Haji Mangol dan Shaif bin O.K.S. Bakti Daud yang di-kenal sa-bagai commander2 bagi Daerah Brunei telah tertangkap di-kawasan paya lumpur di-selatan Sengkuring pada 22 Mach lepas.

Kedua2 penderhaka ini ada-lah dalam senarai orang2 yang di-kehendaki di-Brunei dan tiap2 sa-orang kepala mereka berharga \$5,000.00. Khairul Salleh juga berharga \$5,000.00.

Berikutan dengan tertawan-nya pemimpin2 itu hanya satu kumpulan penderhaka saja ma-seh lagi berleluas ja-itu pasukan yang di-ketuai oleh Yassin Affendi.

Sementara itu beberapa pu-chok senapang dan senjata api telah juga di-dapat sa-mula oleh pihak pulis dan pasukan keselamatan.

Perintah berkurong yang di-kenakan di-beberapa kawasan di-daerah2 Brunei, Temburong dan Limbang telah di-tarek sa-mula.

Pelawat

N. Zealand

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan enam ahli2 Parliam-ent dari New Zealand telah bertolak dari Brunei ka-Jessel-ton pada 27 Mach lepas sa-telah mengadakan lawatan singkat ka-negeri ini.

Mereka telah di-temani oleh Inche G. N. Parkinson, Setiausaha Kedua bagi New Zealand Commission di-Singapura.

Sa-masa di-negeri ini mereka telah berpeluang melawat ka-tempat2 yang menarik termasuk Mesjid Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer dan di-kawasan2 di-Padang Minyak, Seria.



Gambar ini di-ambil sa-jurus sa-telah kemalangan di-jalan raya berlaku baharu2 ini berhampiran dengan Jambatan Edinburgh. Lihat berita-nya di-muka 3.